

# UMS bangga jayakan edisi sulung Kejohanan Sukan IPT

OLEH IZHAM WAIDI NST 25.9.2016 23

---

KOTA KINABALU : Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atas memberi kerjasama kepada UMS bagi merealisasikan Kejohanan Sukan Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA-IPTS) Piala Datuk Dr Mary Yap Kain Ching.

Naib Canselor, Datuk Harun Abdullah berkata pihaknya berbesar hati di atas kepercayaan dan sumbangan dana kepada UMS bagi merealisasikan kejohanan edisi pertama ini.

“Penganjuran besar ini merupakan satu tanggungjawab yang berat, namun dengan kerjasama dan sokongan pihak yang terlibat, kejohanan kali ini dapat dilangsungkan dengan jayanya,” katanya ketika berucap dalam majlis perasmian kejohanan itu di Arena Universiti Malaysia Sabah (UMS), seterusnya dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia Datuk Dr Mary Kain Ching pagi kelmarin.

Kata beliau, penganjuran seperti ini perlulah dteruskan pada masa-masa akan datang bagi memberi ruang dan peluang kepada para pelajar khususnya IPT-IPTS di Sabah. Dalam kejohanan ini, para pelajar turut dapat merasai suasana kejohanan yang besar seperti sukan Masum, Sukipt, Sirkit Masum, liga IPT dan banyak lagi.

“Ia juga merupakan satu platform dan pentas pemilihan kepada para atlet pelajar untuk menonjolkan bakat masing-masing agar dapat diketengahkan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa,” katanya.

Katanya lagi, menerusi sukan ia dapat mengelakkan daripada aktiviti tidak berfaedah seperti vandalisme, penyalahgunaan dadah dan seumpamanya.

“Selain daripada itu, ia juga dapat membina kekuatan hubungan dan silaturahim antara atlet, ambillah peluang keemasan ini untuk meluaskan rangkaian persahabatan, dengan menjalin ukhuwah bukan sahaja dengan atlet tetapi juga bersama pegawai yang terlibat,” katanya.